

KekalAbadi

<https://umlib.um.edu.my>

Jil.41 Bil.2 Jul - Dis 2023

Vol.41 No.2 Jul - Dec 2023

ISSN 0127-2578



The Nucleus of Knowledge

2023

AJK Penerbitan *Publications Committee*

Adida Mohd Amin, Lisdar Abdul Wahid,

Juhaida Abd Rahim, Haslan Tamjehi,

Sabariah Basir, Low Li Qin

Dr Zahril Shahida Ahmad, Dr Ranita Hisham,

Norishah Abdul Rahman, Nor Mohamad Faiz Nor Fassal

Penasihat/Ketua Editor *Advisor/Editor-in-Chief*

Ketua Pustakawan

Chief Librarian

Perekalatak *Typesetter*

Nor Mohamad Faiz Nor Fassal

Gambar Kulit *Cover Page*

Hari Terbuka Perpustakaan Universiti Malaya 2023

UM Library Open Day 2023

Foto Gambar Kulit *Cover Page Photo*

Azwan Mohd Naser

Mohamad Firdaus bin Abdul Halim

Penerbit *Publisher*

Perpustakaan Universiti Malaya *University of Malaya Library*

50603 Kuala Lumpur

Telefon *Telephone*

03-7967 3206

Faks *Fax*

03-7957 3661

Emel *Email*


kekabaladi@um.edu.my

Available online at

<https://umlib.um.edu.my>

Contribution of articles relating to the library science discipline are most welcome subject to the approval of the Editorial Board

Freeing Librarians to be Librarians



Kekal Abadi was published quarterly from March 1982 (volume 1, number 1) until 1998 (volume 17). Volumes 17 (1998), 18 (1999), 24 (2005) and 25 (2006) were published as single issue volumes. Volumes 19 (2000), 23 (2004), and 26 (2007) onwards, are published twice yearly.

KEKAL ABADI

Jil. 41 Bil. 2 Jul - Dec 2023 Vol. 41 No. 2 Jul - Dec 2023

ISSN 0127-2578

KANDUNGAN / *CONTENTS*

Tinta Editor *Preface* 6

Artikel *Article*

Khazanah Ilmu Budayawan Bangsa: Koleksi Khas Zainal Abidin Borhan di Perpustakaan Pengajian Melayu Universiti Malaya
Nurul Najwa Shahimi, Haslan Tamjehi 7

Pustaka Pengkritik Sastera Melayu: Koleksi Khas Hashim Awang di Perpustakaan Pengajian Melayu
Nurin Jasrina Ahmad Shofee, Haslan Tamjehi 14

Ulasan Buku *Book Review*

ABC (Anak Yang Baik Lagi Cerdik) Asas Kesejahteraan oleh Pkharuddin Ghazali. 2023.
Kuala Lumpur: Forum Press.
Haslina Husain 19

Laporan *Reports*

Projek Pemindahan Koleksi Malaysiana bagi Pembangunan CoLA di Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim
Hani Zulaikha Mohd Nazri 20

Report of Exhibition from Darkness to Clarity: The Evolution of Medical Imaging Through Emeritus Professor Dr. Ng Kwan Hoong's Innovations
Eryllda Syerina Syahril 25

Hari Bersama Pelanggan Perpustakaan Universiti Malaya 2023 (*My Library: Gateway to Wisdom*) 36

Laporan Hari Bersama Pelanggan Perpustakaan Undang-undang
Adida Mohd Amin 45

**Projek Pemindahan Koleksi Datuk Seri Gopal Sri Ram ke Perpustakaan Undang-Undang
Tan Sri Ahmad Ibrahim, Universiti Malaya**

Adida Mohd Amin 48

Laporan Hari Bersama Pelanggan, Perpustakaan Pengajian Islam 55

**Report for TJ Danaraj Medical Library Open Day “Nurturing Health: Reading for
Wellness”**

Nur Diyana Sofiah binti Erwanis 56

Hal Ehwal Perpustakaan *Library Matters* 68

***Guidelines for Contributors* 69**

“Harta berharga”

Perpustakaan tanpa koleksi seperti bernafas tanpa udara. Koleksi seperti buku, jurnal dan lain-lain jenis bahan adalah di antara sebab utama pengguna menggunakan sebuah Perpustakaan akademik. Koleksi juga menjadikan sebuah Perpustakaan itu unik dan istimewa. Usia sebuah koleksi juga boleh memberikan nilai maklumat yang tinggi. Oleh itu harus dipelihara dengan baik agar dapat digunakan bergenerasi lamanya. Kita hanya boleh menjangka keperluan pengguna terhadap sesuatu bahan, namun itu masih tidak menjamin kepastian jangkaan tersebut.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab Perpustakaan akademik memelihara koleksinya kerana ia juga adalah aset universiti. Ini kerana kehilangan koleksi ini merupakan satu kerugian terhadap apa yang telah dilaburkan oleh negara untuk kemajuan akademik rakyatnya. Kehilangan ini boleh jadi disebabkan oleh bencana alam, perang, kecuaian atau pengabaian nasihat pakar bidang yang menguruskan koleksi. Kesannya, Perpustakaan kehilangan sebahagian kekuatannya dan terpaksa berhadapan dengan pertanyaan demi pertanyaan dari pengguna yang ingin merujuk bahan dari koleksi yang telah tiada. Oleh yang demikian, koleksi sedia ada yang dimiliki Perpustakaan wajib dilindungi dengan sebaiknya kerana ia adalah harta yang amat berharga.

Haslan Tamjehi

Editor Kekal Abadi

Khazanah Ilmu Budayawan Bangsa: Koleksi Khas Zainal Abidin Borhan di Perpustakaan Pengajian Melayu Universiti Malaya

Nurul Najwa Shahimi¹, Haslan Tamjehi²

¹Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Puncak Perdana

²Perpustakaan Universiti Malaya

nurulnajwashahimi20@gmail.com¹, haslan@um.edu.my²

Abstract

This study examines Zainal Abidin Borhan's special collection at the Malay Studies Library, Universiti Malaya. The collection was generously donated by Dato Zainal Abidin Borhan. The main objective of this research is to assess the reliability of the material based on three key criteria: objective, authority, and content. Additionally, this study also aims to determine the currency of the material and to understand its subject tendency. Even though Library users may rarely utilize this collection, based on the study, it has significant potential to enhance various research information since it fulfilled all reliability criteria. It is worth noting that the collection primarily focuses on Malay language subjects. However, the materials are outdated by 7 years from the current year.

Keywords: Malay Studies, library collection analysis

Abstrak

Kajian ini merupakan sebuah tinjauan terhadap koleksi khas Zainal Abidin Borhan di Perpustakaan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Koleksi ini adalah sumbangan dari Dato Zainal Abidin Borhan. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai kebolehpercayaan bahan melalui tiga (3) kriteria utama iaitu objektif, autoriti dan kandungan bahan tersebut. Seterusnya penyelidikan ini juga cuba untuk mengenalpasti kekinian dan kecenderungan subjeknya. Meskipun koleksi ini tidak begitu kerap dirujuk pengguna, namun ia mempunyai potensi untuk memberikan maklumat kepada pelbagai kecenderungankera bahan koleksi memenuhi kriteria kebolehpercayaan yang dinilai. Koleksi juga menunjukkan kecenderungan kepada subjek bahasa Melayu. Namun dari segi kekinian penerbitan, bahan koleksi ini adalah 7 tahun terkebelakang dari tahun semasa.

Kata Kunci: Pengajian Melayu, Analisis koleksi perpustakaan

Pengenalan

Koleksi khas Zainal Abidin Borhan adalah kumpulan buku-buku atau bahan bacaan yang dimiliki oleh Dato Zainal Abidin Borhan dan dihadiahkan oleh beliau kepada Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Dato Zainal Abidin Borhan merupakan antara salah seorang figura hebat dalam arena Bahasa Melayu di Malaysia. Beliau sangat disegani ramai dengan ilmu dan sifat kepemimpinan dalam bidang pengajian Melayu khususnya Kebudayaan Melayu, Kosmologi Melayu, Pemikiran Melayu dan Budaya Melayu. Dato Zainal Abidin Borhan terkenal dengan perjuangannya

yang memartabatkan Bahasa Melayu serta arif dalam bidang ini yang merangkumi kebudayaan dan ketamadunan Melayu serta mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Melalui pembacaan beliau yang telah dikumpulkan menjadi satu koleksi ini, secara tidak langsung mampu membantu pelajar Akademi Pengajian Melayu serta pengguna Perpustakaan Pengajian Melayu dalam mendapatkan ilmu yang berkualiti serta boleh dipercayai.

Objektif Kajian

1. Untuk menilai kebolehpercayaan (*reliability*) bahan melalui tiga (3) kriteria utama iaitu objektiviti bahan, autoriti bahan dan liputan kandungan dalam koleksi khas ini.
2. Untuk mengenalpasti kekinian bahan dalam koleksi khas ini.
3. Untuk mengetahui kecenderungan subjek atau bidang liputan dalam koleksi khas ini.

Pernyataan Masalah

Koleksi khas Zainal Abidin Borhan belum pernah dikaji atau dibahas oleh mana-mana individu mahupun organisasi. Hal ini membuatkan kekuatan di dalam koleksi ini belum dikenalpasti. Kekuatan sesuatu koleksi mampu membantu ramai pihak terutama pelajar atau mana-mana penyelidik dalam membuat kajian mereka dengan lebih terperinci dan tepat. Koleksi khas ini mempunyai potensi dalam memberi impak yang besar terhadap pengguna perpustakaan. Perkara yang paling membimbangkan adalah, apabila koleksi yang unik ini tidak digunakan sebaik mungkin. Oleh yang demikian, daripada hasil kajian ini, perancangan awal boleh dilakukan oleh pihak Perpustakaan dari segi memberikan maklumat yang lengkap seterusnya mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna Perpustakaan.

Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan beberapa kaedah dalam mendapatkan data kajian yang berkualiti serta signifikan. Kaedah yang pertama digunakan adalah dengan inventori fizikal iaitu memperoleh dan mengakses maklumat secara fizikal bagi menilai sendiri secara terus bahan-bahan di dalam koleksi khas di Perpustakaan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kaedah kedua adalah dengan menggunakan kaedah semakan bibliografi secara atas talian menerusi katalog akses awam, Pendeta Discovery di laman web Perpustakaan Universiti Malaya.

Perbincangan dan Dapatan

Bahan Kajian dalam Koleksi

Bahan kajian yang digunakan adalah merangkumi 246 bahan dalam koleksi khas ini, setiap bahan dinilai satu persatu bagi memastikan dapatan data dan maklumat adalah tepat.

Objektiviti Bahan

Kamus Dewan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan objektiviti sebagai perihal atau keadaan objektif, sifat atau sikap dan sebagainya yang tidak dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri. Oleh kerana Dato Zainal Abidin Borhan terkenal dengan perjuangannya dalam memartabatkan Bahasa Melayu yang merangkumi kebudayaan dan ketamadunan Melayu serta pengalaman sebagai ahli akademik di Akademi Pengajian Melayu, dapat disimpulkan bahawa penyerahan koleksi ini dengan tujuan membantu pelajar Akademi Pengajian Melayu atau penyelidik luar dalam melaksanakan kajian mereka mengenai pengajian Melayu amat bertepatan. Bahan bacaan beliau yang pelbagai mengukuhkan lagi objektif beliau dalam penyampaian maklumat dan tidak menunjukkan fahaman berat sebelah dalam bidang atau aspek yang tertentu.

Kebolehpercayaan Koleksi

Kebolehpercayaan koleksi bermaksud sumber maklumat di dalam koleksi ini adalah boleh digunakan secara selamat dan sah. Majoriti koleksi ini atau lebih tepat lagi 91% atau sebanyak 224 bahan adalah naskhah asal dari sumber yang sah iaitu dari penulis yang bertaraf tinggi serta keseluruhannya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, organisasi serta penerbit universiti.

Autoriti Bahan

Autoriti menurut Dewan Bahasa dan Pustaka memberi maksud sumber iaitu orang, buku dan sebagainya sebagai sumber maklumat tentang sesuatu yang boleh diterima atau dipercayai. 97% bahan di dalam koleksi khas ini telah dikatalogkan ke dalam sistem katalog akses awam Pendeta Discovery Universiti Malaya. Baki 3% bahan koleksi belum di katalog dalam sistem. Walaubagaimanapun, 100% bahan iaitu 246 bahan mempunyai *barcode Item ID*. Hal ini secara tidak langsung membuktikan koleksi ini mempunyai kredibiliti dan diyakini apabila sudah dikatalog. Penulis, penyunting, penyusun dan mana-mana penanggungjawab pada setiap bahan di dalam koleksi ini turut mempunyai kelayakan dalam menghasilkan karya, misalnya Zainal AKA yang menulis Kumpulan Puisi: Senandung Anak Negeri dan diterbitkan oleh Teater Garis Lurus Langkat Malaysia.

Liputan Kandungan

Kandungan bahan di dalam koleksi khas ini meliputi aspek-aspek keperluan ilmu di dalam pengajian Melayu yang merangkumi bidang-bidang Kesenian Melayu, Sosio-Budaya Melayu, Bahasa Melayu Profesional, Linguistik Melayu dan Kesusastraan Melayu.

Perolehan Koleksi

Perpustakaan Pengajian Melayu memperolehi bahan koleksi khas ini dalam bentuk sumbangan atau hadiah dari Dato Zainal Abidin sendiri yang menyumbangkan koleksi bacaannya yang secara keseluruhannya berhubung kait dengan lima bidang utama iaitu Kesenian Melayu, Sosio-Budaya Melayu, Bahasa Melayu Profesional, Linguistik Melayu dan Kesusastraan Melayu.

Lokasi Koleksi

Koleksi khas ini yang berjumlah 246 buah ini ditempatkan di Dewan C iaitu ruangan tesis Perpustakaan Pengajian Melayu dan diletakkan di dalam Peti Besi 3 dengan nombor siri PPM PB3.

Lokasi Penerbitan

Lokasi penerbitan bagi sesebuah bahan memainkan peranan yang penting dalam mengetahui sumber teras bahan tersebut. Data mendapati penerbitan dari negara Indonesia mempunyai jumlah tertinggi di dalam koleksi khas ini iaitu sebanyak 134 buah diikuti dengan Malaysia iaitu sebanyak 92 buah. Selain itu, bahan dalam koleksi ini juga mempunyai 11 bahan yang diterbitkan dari Amerika Syarikat dan Australia.

Format Koleksi

Terdapat 19 format berbeza di dalam bahan koleksi khas ini. Majoriti format bahan adalah berbentuk buku sebanyak 182 buah. Lain-lain format termasuk surat khabar, artikel, buletin, cerpen, kamus, laporan dokumentasi, kertas draf, kertas forum, jurnal, laporan seminar, buku log, majalah, novel, kertas kerja, puisi, prosiding, kertas projek dan laporan.

Tahun Penerbitan

Bahan-bahan di dalam koleksi khas ini mempunyai tahun terbitan seawal tahun 1906 sehingga 2012. Terdapat 10 bahan bahan yang tidak dapat dikenalpasti tahun penerbitannya. Tahun penerbitan tertinggi yang ada di dalam koleksi ini adalah pada tahun 2009 yang mencatat sebanyak 20 buah bahan.

Bahan terbitan tahun 2012 merupakan tahun yang paling terkini di dalam koleksi ini iaitu 7 tahun ke belakang dari tahun semasa. Walaupun agak jauh perbezaannya, intipati di dalam bahan-bahan tersebut masih relevan untuk digunakan. Mungkin ianya kurang segar dan terkini, kandungan bahan-bahan tersebut yang kebanyakannya adalah teori dan peristiwa semasa pada tahun tersebut dihasilkan amat bernilai bagi pengguna. Oleh itu, perkara ini mampu memberi pendedahan kepada pengguna dan dalam masa yang sama memberi mereka gambaran sebenar konteks yang ingin disampaikan.

Penggunaan Bahasa

Bahasa yang digunakan didalam bahan koleksi ini adalah Bahasa Melayu dan juga Bahasa Indonesia. Terdapat 2 bahan di dalam koleksi ini yang menggunakan tulisan jawi.

Penggunaan Koleksi

Koleksi ini tidak dibenarkan untuk diakses secara bebas dan terbuka. Tiada peminjaman keluar dan hanya sebagai rujukan dalaman sahaja. Walaubagaimanapun, pengguna tetap boleh mengakses bahan ini atas permintaan dan kebenaran dari pihak Perpustakaan Pengajian Melayu sahaja.

Koleksi Melayu

Koleksi Melayu di dalam Koleksi Khas Zainal Abidin Borhan ini boleh ditakrifkan sebagai bahan-bahan yang menggunakan bahasa Melayu dan juga ditulis oleh penulis Melayu.

Kecenderungan Subjek Koleksi

Dapatan kajian mendapati, koleksi khas ini cenderung kepada subjek Melayu iaitu sebanyak 85 bahan atau 30% daripada koleksi. Bahan subjek Melayu di dalam koleksi ini merangkumi cabang-cabang Bahasa Melayu yang lain termasuk Sastera Melayu, Kebudayaan Melayu, Syair, Puisi dan Pengajian Melayu dan Bahasa Melayu. Koleksi ini turut cenderung kepada subjek keagamaan khususnya agama Islam iaitu sebanyak 17.4% atau 43 buah. Diikuti dengan subjek Sosiologi yang mempunyai 25 bahan (10.1%) yang merangkumi kajian masyarakat Asia terutamanya Indonesia. Turut menyumbang dalam kecenderungan subjek adalah subjek Sejarah sebanyak 7.3% atau 18 buah buku yang terdiri daripada sejarah negara Asia seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia. Baki 30.6% bahan koleksi adalah dibawah pelbagai subjek berbeza.

Hasil Dapatkan

Koleksi khas ini membawa pengaruh yang positif di dalam Perpustakaan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Hal ini adalah disebabkan 91% bahan koleksi boleh dipercayai dan sahih serta dapat diakses oleh pengguna sebagai sumber maklumat dalam kajian mahupun penambahan ilmu di dalam bidang pengajian Melayu khususnya. Walaubagaimanapun, kekinian bahan koleksi bukan terkini ekoran terbitan bahan dalam lingkungan tahun 1906-2012. Bahan maklumat yang tidak dikemaskini mungkin menyebabkan keraguan para pengguna dalam menggunakan walaupun mempunyai kandungan yang bernilai. Sesungguhnya koleksi khas ini mampu membantu dalam kajian pengajian Melayu yang merangkumi lima bidang bahasa Melayu iaitu Sastera Melayu, Kebudayaan Melayu, Syair, Puisi dan Pengajian Melayu dan Bahasa Melayu.

Cadangan

- Mempromosi koleksi khas Zainal Abidin Borhan kepada pengguna bukan sahaja pengguna dalaman malah pengguna luar.
- Mengadakan aktiviti berobjektif seperti bual bicara, Knowledge Hunt dan banyak lagi.
- Menaiktaraf atau mengubah lokasi Koleksi khas Zainal Abidin Borhan ke tempat yang lebih mudah dilihat oleh pengguna bagi menjana penggunaan bahan di dalam koleksi.

Antara Senarai Bahan Di Dalam Koleksi Khas Zainal Abidin Borhan

Jadual 1: Antara senarai bahan dalam Koleksi Khas Zainal Abidin Borhan

No.	Tajuk	Pengarang	Penerbit	Tempat Terbitan	Tahun	Jenis	Deskripsi	Bahasa	Nombor Panggilan
1.	Pendidikan Akhlak (Adab)	Tiada	Tiada	Malaysia	1906	Buku	Berkaitan dengan moral dan adab	Melayu	BOR 2.239
2.	Psychology and the Social Pattern	Julian Blackburn	Routledge	Amerika Syarikat	1945	Buku	Berkaitan hubungan antara bidang biokimia, pendengaran, antropometri, psikologi dan sosial	Inggeris	BF 121 Bla 1945
3.	Sejarah Kerajaan Tallo'	Tiada	Kantor Cabang II Lembaga Sejarah dan Antropologi Ujung Padang	Indonesia	1975	Buku	Transkripsi sejarah kerajaan Tallo' daerah Makassar	Indonesia	DS646.49 M35 Sej 1975
4.	Syair Khadamuddin	Aisyah Sulaiman Riau	Departemen Pendidikan dan Kebudayaan	Indonesia	1987	Puisi	Puisi mengenai sikap dan pandangan hidup serta kesetiaan seorang isteri kepada suaminya	Indonesia	PL5236.2 Rajas.S 1987
5.	Joget Su Wook	Wan Ahmad Ismail	Wahwi Production House	Malaysia	1993	Buku	Antologi Drama Tarian Su Wook	Melayu	PL5136.3 Wanai. J 1993
6.	Dokumentasi GAPENA Jilid 13: Catatan Perjalanan GAPENA	Nazel Hashim Mohamad	Tiada	Malaysia	2001	Buku Log	Nota perjalanan GAPENA	Melayu	PL5061 Nazhm 2001
7.	Pokok-Pokok Adat Pucuk Jambi Sembilan Lurah: Sejarah Adat Jambi Jilid I	Lembaga Adat Propinsi Jambi	Jambi	Indonesia	2001	Buku	Mengenai tanda kebesaran keanggotaan Lembaga Adat Melayu Jambi	Indonesia	BL240.3 Lea 2001
8.	Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak	Hamzah Hamdani	Dewan Bahasa dan Pustaka	Malaysia	2004	Buku	Himpunan 26 buah kritikan yang dihasilkan pada tahun 1983-2003	Melayu	PI5131 Hamh 2004
9.	Profil Sultan Sulaiman Shariful Alamshah Sultan Kerajaan Negeri Serdang Ke-5 (1880-1946)	Tiada	Yayasan Kesultanan Serdang	Indonesia	2012	Kertas Kerja	Perihal Sultan Sulaiman Shariful Alamshah sebagai Tokoh Perintis Kemerdekaan Republik Indonesia	Indonesia	DS643.22 A43 SNPSS 2010
10.	Sayang Selaseh	Ahmad Hassan Bungsu (Belia Bungsu)	HMBA Penerbit Marang	Indonesia	Tiada	Novel	Kisah cinta	Indonesia	PL5136 Belb.S

Kesimpulan

Koleksi khas Zainal Abidin Borhan menunjukkan objektiviti yang kukuh serta tidak berat sebelah kepada mana-mana perkara dan berfokus kepada bahasa Melayu sahaja. Hampir keseluruhan bahan koleksi ini telah dikatalogkan di dalam sistem pengkatalogan Perpustakaan Universiti Malaya. Koleksi khas ini menunjukkan kecenderungan yang sangat mendalam dalam subjek bahasa Melayu yang mampu memberi manfaat besar kepada pelajar Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Walaubagaimanapun, kekinian bahan koleksi tidak begitu memberangsangkan kerana ketinggalan 7 tahun daripada tahun terkini dan perkara ini mampu menggugat sedikit sebanyak kredibiliti koleksi khas ini. Namun yang demikian, kajian ini hanyalah titik awal dalam mengeksplorasi bahan koleksi dan hanya menumpukan mengenai kebolehpercayaan, kekinian serta kecenderungan bahan koleksi sahaja. Lanjutan bagi kajian terhadap koleksi ini amatlah diperlukan bagi menjamin ketepatan maklumat dan dapatan baru. Hal ini secara tidak langsung membantu pengguna dalam mendapatkan maklumat yang berkualiti dan berkesan.

Rujukan

- Universiti Malaya. Akademi Pengajian Melayu. (2021). *Latar belakang: Akademi Pengajian Melayu*. Universiti Malaya. <https://apm.um.edu.my/sejarah-apm>
- Burhanuddin Jalal. (2021). Ketamadunan: buku, perpustakaan dan pembinaan peradaban. *Tinta Minda*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1955798>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Autoriti*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=autoriti>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Objektiviti*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=objektiviti>
- Haslan Tamjehi & Latifah Ramlie. (2020). *Turkish related collections in the University of Malaya Library*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.24204.95361>
- Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA). *Hati*. (2023). <https://www.hati.my/gabungan-persatuan-penulis-nasional-gapena/>

Pustaka Pengkritik Sastera Melayu: Koleksi Khas Hashim Awang di Perpustakaan Pengajian Melayu

Nurin Jasrina Ahmad Shofee¹, Haslan Tamjehi²

¹Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Puncak Perdana

²Perpustakaan Universiti Malaya

nurinshofee@gmail.com¹, haslan@um.edu.my

Abstract

This study examines the literature-related resources found in the Hashim Awang's Special Collection at the Malay Studies Library, Universiti Malaya. The aim is to understand the collection by exploring acquisition techniques, bibliographic data, and the collection's subject tendencies. Data is gathered through physical inventories and existing library management systems. Although this collection represents a small portion of the library's holdings, it has its own value and distinction.

Keywords: Data, Library collection assessment, Literature, Universiti Malaya Library

Abstrak

Kajian ini adalah tinjauan terhadap sumber berkaitan kesusasteraan yang terdapat dalam Koleksi Khas Hashim Awang di Perpustakaan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Dengan meneliti teknik perolehan, data bibliografi, dan dapatan tentang kecenderungan subjek. Data dikumpul melalui inventori fizikal dan dari Sistem Pengurusan Perpustakaan yang sediada. Walaupun ia hanya membentuk sebahagian kecil daripada koleksi perpustakaan, ia masih mempunyai nilai dan keistimewaan yang tersendiri.

Kata Kunci: Data, Koleksi Perpustakaan, Kesusasteraan, Perpustakaan Universiti Malaya

Pengenalan

Profesor Dato' Dr. Hashim Awang adalah seorang intelektual tersohor yang dikenali menerusi sumbangannya dalam bidang kritikan Sastera Melayu moden. Dilahirkan pada tahun 1942. Beliau menerima pendidikan di Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (UM) pada 1967, dimana beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera.

Hashim Awang sering menghantar tulisannya ke majalah tempatan dan juga menulis beberapa buah buku. Salah satu sumbangannya yang menonjol ialah tentang pengukuhan pendekatan formal yang digunakan dalam bidang kritikan sastera dan sering digunakan sebagai pendekatan penyelidikan untuk penulisan tesis dan disertasi di peringkat ijazah tinggi. Beliau juga merintis kajian terhadap cerpen Melayu yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua. Teori yang dinamakan "Pengkaedahan Melayu" telah dibangunkan oleh beliau sendiri sebagai sebuah teori sastera yang berasaskan budaya, cara hidup dan pandangan orang Melayu terhadap alam semesta dan Islam. Segala elemen ini adalah apa yang perlu diteliti untuk memahami sebuah karya sastera Melayu.

Di antara karya-karya penting dari penulisannya adalah “Meninjau keadaan kritik sastera di Malaysia sekarang” yang diterbitkan pada tahun 1974, “Cerpen-cerpen Melayu sebelum Perang Dunia Kedua” diterbitkan pada tahun 1975 dan “Strukturalisme dalam Ilmu Sastera dan aplikasinya” pada tahun 1985.

Objektif Kajian

1. Untuk mengetahui tahap kebolehpercayaan bahan dari Koleksi Khas Hashim Awang dari pelbagai segi
2. Untuk mengkaji kekinian bahan yang diperolehi
3. Untuk mengetahui kecendurungan sesuatu topik

Pernyataan Masalah

Koleksi Khas Hashim Awang adalah di antara koleksi terbesar di Perpustakaan Pengajian Melayu iaitu sebanyak 224 buah buku. Koleksi ini mempunyai nilai ilmu yang tersendiri untuk disampaikan kepada pengguna terutamanya dalam bidang kesusasteraan. Walaubagaimanapun, koleksi ini masih belum dikaji dan tidak pernah ditonjolkan secara khusus. Malah, tahap liputan bidang dalam koleksi ini belum diketahui untuk mengetahui kekuatan dan kecenderungannya. Oleh itu, kajian ke atas koleksi tersebut perlu dilakukan bagi menyediakan maklumat yang lengkap mengenainya untuk rujukan di masa hadapan bagi memastikan segala maklumat penting tidak akan hilang serta bagi mencapai matlamat pengurusan koleksi Perpustakaan sebagai aset yang paling bernilai.

Kaedah Penyelidikan

Bagi mengumpulkan maklumat yang sahih dan relevan, kajian ini memerlukan kaedah dan peralatan bagi mengumpulkan sumber data untuk penyelidikan ini. Ia menggunakan dua (2) kaedah iaitu pengumpulan maklumat bibliografi daripada penggunaan Pendeta Discovery (pendeta.um.edu.my) dan kaedah Inventori Fizikal. Kaedah semakan dari Pendeta Discovery membolehkan pengguna membuat carian secara elektronik kerana segala maklumat dan carian telah disimpan di dalam sistem Perpustakaan dengan memasukkan subjek mahupun kata kunci yang relevan mengenai topik yang berkaitan untuk mendapatkan rekod carian. Kaedah kedua pula menggunakan kaedah semakan secara fizikal untuk mendapatkan maklumat mengenai koleksi khas ini secara terperinci untuk mengesahkan ketersediaan bahan secara fizikal di Perpustakaan Pengajian Melayu.

Perbincangan dan Dapatan

Bahan Kajian dalam Koleksi

Koleksi Khas Hashim Awang yang diterima di Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM) sebanyak 224 buah buku adalah hasil sumbangan beliau sendiri. Koleksi khas tersebut diterima dalam pelbagai bahasa dan pelbagai format seperti buku, kertas kerja, bibliografi, majalah, jurnal, dan novel.

Objektif Bahan

Dasar objektif ini bertujuan memenuhi matlamat Perpustakaan Pengajian Melayu untuk memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pendidikan dan penyelidikan serta membolehkan Perpustakaan ini berperanan sebagai gedung maklumat dan pusat rujukan untuk pengguna.

Kebolehpercayaan Koleksi

Koleksi khas ini dimiliki oleh tokoh penting didalam bidang kesusasteraan dimana bahan tersebut mempunyai nilai sejarah tertentu yang sesuai dijadikan bahan rujukan penyelidikan. Koleksi khas ini merupakan koleksi simpanan/peribadi beliau merangkumi bidang Sastera yang boleh mempengaruhi dan menggambarkan pemikiran beliau. Malah, terdapat juga beberapa koleksi ini adalah hasil daripada penulisan beliau sendiri.

Autoriti

Koleksi khas ini mempunyai 100% autoriti dan kredibiliti kerana penerbitan dan pengarang daripada koleksi ini adalah daripada organisasi yang diperakui. Koleksi khas ni mempunyai autoriti yang sahik kerana lahir daripada penerbit universiti yang terkenal, di antaranya daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan University Tutorial Press, Ltd. Selain daripada itu, terdapat juga penerbitan daripada Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

Liputan Kandungan

Melalui penilaian ini, dapat dilihat secara terperinci bahawa koleksi khas ini terdiri daripada 6 bidang iaitu Bahasa Melayu, fiksyen, linguistik, Kesenian Melayu, sastera, dan sosiologi. Secara keseluruhannya, liputan bidang sastera merupakan bidang yang memiliki jumlah terbesar daripada koleksi iaitu sebanyak 30.8%.

Perolehan koleksi

Koleksi ini merupakan sumbangan daripada tokoh sasterawan iaitu Hashim Awang. Terdapat lima (5) kursus di Akademi Pengajian Melayu (APM) yang berkaitan dengan koleksi khas ini iaitu bagi kod subjek JIB (Bahasa Melayu Profesional), JIC (Sosio-Budaya Melayu), JIF (Kesenian Melayu), JID (Linguistik Melayu) dan JIE (Kesusasteraan Melayu)

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa koleksi khas ini dari segi bibliografi maklumat penerbitan seperti lokasi, tahun penerbitan, bahasa, dan penggunaannya

Lokasi Koleksi

Lokasi koleksi khas ini terletak di Peti Besi 2 (PPM PB2), Ruang Tesis, Dewan C .

Format Koleksi

Koleksi khas ini terdiri kepada 11 format yang berbeza iaitu buku (187 naskhah), majalah (19 naskah), novel (6 naskah buku), jurnal (7 naskhah) dan selebihnya dalam format ensiklopedia, laporan, *handbook*, tesis, bibliografi, folio dan kertas kerja.

Tahun Penerbitan

Bahan paling awal tahun terbitannya dalam koleksi khas ini adalah sebuah buku yang ditulis oleh Abdul Qadir Mahmoud Al-Bakar pada tahun 1893, manakala bahan paling terkini adalah sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 2017 yang berjudul Malay descendant communities in China yang ditulis oleh Yusuf Liu Baojun.

Di antara senarai bahan yang terdapat di dalam koleksi khas ini adalah:

Jadual 1: Antara senarai bahan dalam Koleksi Khas Hashim Awang

No.	Tajuk	Pengarang	Penerbit	Tempat Terbitan	Tahun	Jenis	Deskripsi	Bahasa	No. Panggilan
1.	Al-Islam wa-al-hubb	'Ulwan, 'Abdullah Nasih	Dar al- Salam	Malaysia	1983	Buku	Membincangkan tentang cinta dalam Islam	Arab	BP166.78 Ulw 1983
2.	Writing Degree Zero	Roland Barthes	Beacon Press	Boston	1953	Buku	Tulisan revolusioner yang berkelakuan baik	Inggeris - Perancis	PN203 Wor 1953
3.	The Birth of Tragedy and The Genealogy of Morals	Friedrich Nietzsche	Doubleday & Company	United States	1956	Buku	Berkaitan dengan asal usul akhlak dan istilahnya	Inggeris	PN1892 Tra 1956
4.	How to give your child a good start in life	Victor B.Buhler	Collier Books	Unites States	1962	Buku	Seorang ahli psikologi terkenal menawarkan nasihat praktikal tentang pembesaran anak	Inggeris	HQ767 Glo 1962
5.	The scope of Anthropology	Claude Levi-Strauss	Cape Edition	United Kingdom	1967	Buku	Kepentingan kerja Claude Levi-Strauss menjangkau jauh melampaui batas disiplin hios sendiri	Inggeris - Perancis	GN3225 Str 1967
6.	The shaping of fiction	Robert M.Bender	Washington Square Press	Unites States	1970	Buku	Empat karya fiksyen yang hebat dan sumber yang memberi inspirasi kepada penciptaan mereka	Inggeris	PS653 S 1970
7.	Principles of writing research papers	James D.Lester	Penguin Academics	Unites States	2003	Buku	Menurut struktur ini, artikel penyelidikan terdiri daripada bahagian berikut	Inggeris	LB2369 Les 2003
8.	Master your mind design your destiny	Adam Khoo	Technologies Group Pte Ltd	United Kingdom	2004	Buku	Strategi terbukti yang memperkasakan anda untuk mencapai apa sahaja yang anda inginkan dalam hidup	Inggeris	BF683 Kho 2004
9.	Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita	Imam Gunawan	Bumi Aksara	Indonesia	2013	Buku	Membahaskan tentang paradigma dan prinsip implementasinya dalam penelitian,studi kasus dan <i>theory approach</i>	Inggeris - Indonesia	H62 Gun 2013
10.	Malay descendant communities in China	Yusuf Liu Baojun	Saba Islamic Media Sdn Bhd	Malaysia	2017	Buku	Masyarakat Melayu di negara China	Chinese - Melayu	DS731 M87Liu 2017

Penggunaan Bahasa

Secara keseluruhannya, koleksi khas ini terdiri daripada pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu, Inggeris, Indonesia, Arab, Perancis, Tamil, Itali, Mandarin dan Vietnam.

Penggunaan Koleksi

Bahan ini berada di dalam Peti Besi 3, untuk rujukan dalaman sahaja. Sebarang pinjaman luar tidak dibenarkan. Sekiranya pengguna ingin membuat rujukan, pengguna perlu merujuk kepada staf Perpustakaan yang bertugas di kaunter.

Koleksi Melayu

58 daripada 224 koleksi khas ini adalah koleksi Melayu dan kebanyakannya ditulis oleh pengarang Melayu yang berasal daripada Malaysia. Malah, terdapat juga beberapa bahan yang ditulis oleh beliau sendiri. Daripada jumlah ini, 50 daripadanya adalah buku dan yang selebihnya terdiri daripada kertas kerja, bibliografi, majalah, jurnal dan novel.

Kecenderungan Subjek Koleksi

Terdapat enam (6) subjek yang berbeza dalam koleksi khas Hashim Awang iaitu Bahasa Melayu, Fiksyen, Linguistik, Kesenian Melayu, Sastera dan Sosiologi. Secara keseluruhan, koleksi terbesar adalah dalam subjek Sastera iaitu sebanyak 30.8% bersamaan dengan 69 buah buku.

Hasil dapatan

Secara keseluruhannya, koleksi khas ini ditulis dalam bahasa Melayu, Inggeris dan beberapa bahasa luar. Namun bagi bahan berbahasa luar seperti Perancis, Itali, dan Hungary terdapat terjemahannya dalam bahasa Inggeris bagi memudahkan pembaca.

Cadangan

1. Mengadakan program bicara minda di Perpustakaan Pengajian Melayu berkaitan koleksi khas ini.
2. Membuat promosi melalui media sosial bagi memberikan pendedahan kepada pengguna.
3. Mengemaskini laman sesawang Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu dengan penambahan koleksi khas ini.
4. Mengkatalog keseluruhan bahan dalam koleksi khas ini bagi memudahkan para pengguna menyemak maklumat bahan.

Kesimpulan


Kesimpulannya, Koleksi Khas Hashim Awang ini memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana beliau merupakan mantan Professor di Akademi Pengajian Melayu dalam bidang Kesusasteraan juga penulis dan pengkritik Sastera, justeru kebolehpercayaan dan autoriti koleksi ini tidak dapat dinafikan lagi.

Rujukan

Siti Haliza Yusop. (2016). Teori sastera bentuk nilai, modal insan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/202541/teori-sastera-bentuk-nilai-modal-insan>

Ulasan Buku

ABC (Anak Yang Baik Lagi Cerdik) Asas Kesejahteraan oleh Pkharuddin Ghazali. 2023. Kuala Lumpur: Forum Press. Diulas oleh Haslina Husain.



Buku ini memaparkan pengenalan semula model ABC (Anak yang Baik lagi Cerdik) oleh YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia pada 5hb Disember 2022. Asalnya slogan ABC diperkenalkan di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) pada tahun 2017. ABC merupakan model untuk melahirkan manusia yang berguna dan memberikan manfaat kepada manusia yang lain selaras dengan sabda Nabi Muhammad SAW iaitu:

"Sebaik-baik manusia adalah yang bermanfaat bagi manusia lainnya," (HR. Ahmad).

Model ini juga bertepatan dengan visi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberikan pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan insan terdidik, bahkan, model ABC mempunyai nilai lima prinsip Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Petikan dari buku ini menyatakan Model ABC menepati apa yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan:

A - Anak perlu dididik secara berterusan untuk dibentuk dan dikembangkan potensi yang ada pada setiap individu.

B - Baik pula, usaha menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi sosial, Rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

C - Cerdik iaitu merangkumi rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Usaha KPM dalam menghidupkan semula ABC menandakan aspek pendidikan nasional akan terus ke hadapan dan memanusiakan anak-anak agar menjadi anak yang baik dan cerdik, seterusnya menjadi permata yang berkilau untuk negara. Slogan 'Anak yang Baik lagi Cerdik' ini menyemarakkan lagi pendidikan di Malaysia khususnya.

**Projek Pemindahan Koleksi Malaysiana bagi Pembangunan CoLA di Perpustakaan Undang-Undang
Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim**

Hani Zulaikha Mohd Nazri
Pelajar Latihan Industri UiTM, Puncak Perdana

Pengenalan

Projek ini dilakukan untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan CoLA (*Collaborative Learning Area*) di Perpustakaan Undang-undang. Ada 8 buah rak yang perlu dikosongkan dan semua bahan perlu dipindahkan ke tempat baru yang telah dikenalpasti. Lokasi berkenaan adalah bilik Kompaktus aras 1 dan Koleksi Antarabangsa aras 3. Projek ini melibatkan staf Perpustakaan Undang-undang sahaja seramai 16 orang. Projek yang berlangsung selama 8 hari ini bermula dari 26 – 28hb Jun dan bersambung dari 3-7hb Julai 2023.

Proses Kerja

Pemindahan bahan

Kerja-kerja bermula dengan memindahkan bahan-bahan di rak 7-10 . Bahan-bahan yang terlibat adalah *Malaysian Law Journal*, *Industrial Law Report*, *Mallal Digest*, Warta Kerajaan, Enakmen Negeri, Jurnal Hukum, Kertas Peperiksaan, Kalender Universiti, Koleksi Malaysiana, Rujukan Malaysiana, Koleksi *Halsbury*, *Current Law Journal*, *All Malaysian Report* dan Jurnal-jurnal Malaysiana.

Koleksi *Malaysian Law Journal*, *Industrial Court Award*, Koleksi *Halsbury*, sebahagian koleksi rujukan Malaysiana, Warta Kerajaan, Enakmen Negeri dan Jurnal Hukum dipindahkan ke Bilik Kompaktus Aras 1, Perpustakaan Undang-undang. Pemilihan lokasi kerana masih terdapat ruang di bilik kompaktus, bahan tidak kerap digunakan dan mudah diakses sekiranya diperlukan. Manakala *Mallal Digest* edisi ke-5, Kalender Universiti dan Kertas Peperiksaan diletakkan di aras 3, rak 7 bersebelahan koleksi Antarabangsa. Ini kerana penggunaannya yang lebih kerap dan mudah diakses oleh pengguna sendiri.

Berikut adalah jumlah bahan yang dipindahkan:

Tajuk	Jumlah
<i>Malaysian Law Journal</i>	398
Warta Kerajaan	2388
Kalendar Universiti	30
Kertas Peperiksaan	72
<i>Mallal Digest</i>	108
Koleksi <i>Halsbury</i>	190
Koleksi Rujukan	200
<i>Industrial Court Award</i>	267

Staf yang terlibat

1) Encik Mohammed Zaki Abd Rahman
2) Encik Kamaruzzaman bin Ibrahim
3) Encik Azahari bin Adam
4) Encik Abdul Rahman bin Ahmad
5) Encik Afzainizam Zainal Bahrin
6) Encik Kanaga Raja A/L Arumainathan
7) Encik Amir Nazim bin Yahaya
8) Encik Mohd Rizuan bin Hamzah
9) Encik Mohd Faridzul bin Ishak
10) Encik Mohd Hafis bin Jumaat
11) Encik Hairullizam bin Rosli
12) Encik Mohd Faiz bin Ahmed Supian
13) Encik Rizuan Osman
13) Encik Mohammad Shaifulnizam B. Md Anuwar

Penukaran status dan lokasi bahan

Setiap bahan yang dipindahkan ke dalam Bilik Kompaktus akan dilabelkan dan kemudian ditukar status serta lokasi bahan di dalam sistem *workflow* bagi memudahkan staf dan pengguna membuat pencarian bahan sekiranya diperlukan. Begitu juga bagi bahan yang diletakkan di Aras 3 Perpustakaan. Terdapat seramai 6 orang staf terlibat dalam proses penukaran status dan lokasi bahan iaitu:

- 1) Encik Mohammed Zaki Abd Rahman
- 2) Puan Alifah Azhani binti Latif
- 3) Puan Noor Maziah binti Mohamad
- 4) Encik Mohd Rizuan bin Hamzah
- 5) Encik Kamaruzzaman bin Ibrahim
- 6) Puan Hani Zulaikha Binti Mohd Nazri (Pelajar Praktikal UiTM)



Gambar 1: Staf sedang menganjukkan dan menyusun semula bahan Malaysiana



Gambar 2: Staf di dalam bilik kompaktus Aras G dengan ruang kosong untuk menempatkan bahan- bahan yang akan dipindahkan.



Gambar 3: Bahan sedia untuk dilabelkan bagi proses penukaran status dan lokasi bahan.



Gambar 4: Keadaan rak selepas bahan dianjak dan disusun semula.



Gambar 5: Pemindahan kabinet kad katalog untuk memberi ruang pembinaan CoLA



Gambar 6: Keadaan rak selepas bahan selesai dipindahkan.

Penutup

Proses pemindahan ini walaupun kelihatan ringkas dan mudah namun mengambil masa yang agak panjang dan memerlukan tenaga yang banyak. Saiz bahan yang besar dan tebal menjadi cabaran untuk kerja-kerja dilakukan dengan cepat. Ditambah pula ia dilakukan sewaktu musim peperiksaan kerana perpustakaan dibuka sehingga malam menyebabkan kerja-kerja dimulakan dengan tenaga kerja yang minimal setiap hari. Namun begitu, hasil kerjasama, kesepakatan dan usaha setiap staf menjadikan kerja lebih mudah, pantas dan disiapkan dalam waktu yang singkat. Kini ruangan untuk pembangunan CoLA telah sedia untuk digunakan oleh pelajar dan pengguna perpustakaan.

Report of Exhibition from Darkness to Clarity: The Evolution of Medical Imaging Through Emeritus Professor Dr. Ng Kwan Hoong's Innovations

7 June 2023 to 8 August 2023: Wing A, TJ Danaraj Medical Library, Universiti Malaya

Eryllda Syerina Syahril

Introduction

The exhibition "From Darkness to Clarity: The Evolution of Medical Imaging Through Emeritus Professor Dr. Ng Kwan Hoong's Innovations aims to showcase an inspiring collection of Professor Ng's outstanding accomplishment, research breakthroughs, his profound impact on the field of biomedical imaging and artistic side. The exhibition is open to medical professionals, researchers, students, art enthusiasts and all general public.

Objective

1. To highlight the significant contributions of Emeritus Professor Dr. Ng Kwan Hoong's to the field of medical imaging.
2. To Inspire and motivate aspiring researchers, students, and innovators to explore and contribute to the field of medical imaging by showcasing Dr. Ng's journey, achievements, and the transformative power of innovation.
3. To increase awareness and understanding of the diverse function and valuable contribution that library offer to UM Faculty of Medicine
4. To raise awareness of the about the wide range of services, function and contribution that library offer to broader community
5. To promote collaborations between library and academic community to engage, exchange knowledge, and explore potential collaborative initiatives.

Biodata of Emeritus Professor Dr. Ng Kwan Hoong



Professor Dr. Kwan Hoong Ng was born on 13 February 1954, and raised in Kuala Lumpur. Following secondary education at the Methodist Boys School, he pursued his tertiary education in Physics in Universiti Malaya (UM) in 1978. He went on to receive his M.Sc. (Medical Physics) from the University of Aberdeen and Ph.D. (Medical Physics) from the Department of Pathology, UM (1995). He is certified by the American Board of Medical Physics (1999), and a fellow of the Institute of Physics (UK and Malaysia), the International Organization for Medical Physics (IOMP), and the Academy of Sciences Malaysia. He was also admitted into the Academy of Medicine, Malaysia.

Professor Ng's contributions are highly regarded in the areas of breast imaging, radiological protection, radiation dosimetry, medical physics education, and risk communication. He also continues to pursue new discoveries with international research collaborators on breast density, image processing, and radiation dosimetry. His body of work has enabled the early detection and risk management of breast cancer for millions around the world.

Professor Ng is currently Honorary Professor at the Department of Biomedical Imaging, UM. He started his career at UM as a scientific officer in 1985, and later as a lecturer (1990) rising in rank to professor (2001). He was a visiting scholar at the University of Wisconsin, Madison, USA during 1995-1997. Upon returning to UM, he established UM's Master of Medical Physics programme in 1998, being the only post-graduate medical physics academic programme outside the UK and Ireland which is accredited by the UK Institute of Physics and Engineering in Medicine. It has since produced over 120 graduates. He has also been actively contributing to the education of radiologists, clinical oncologists, biomedical engineers and allied health professionals.

His extensive and pioneering research on breast cancer imaging, education initiatives and leadership won him the world's highest rank and most prestigious award in medical physics - the Marie Skłodowska-Curie Award in 2018. He is currently the first and only Asian and one of only 8 persons worldwide to have been conferred this highly coveted accolade since 2000, as recognized by IOMP which represents 25,000 of the world's leading medical physicists.

In recognition of his unparalleled work as a medical physics pioneer whose research in radiation medicine has contributed significantly to the fight against breast cancer globally, Professor Ng was awarded the prestigious Merdeka Award for Outstanding Scholastic Achievement in 2020.

Professor Ng is married to Madam Sia Leng Suan, and they are blessed with two children and three lovely grandchildren. He enjoys classical music, in particular the works of Beethoven and Tchaikovsky, and devotes his time to charity and humanitarian works when he isn't strolling in the local parks, or in the library burrowing in intriguing books.

Methods of Implementation

a) Planning Phase

First step is specified the exhibition's goals and objectives. This entails figuring out the event's general goal, for example exhibit the evolution of medical imaging, and promoting Professor Ng's achievements. Besides, the target audience is identified such as faculty community, researchers, and all general public.

Next, exhibition's scope and content are then decided. Which involves choosing which aspect of medical imaging will be included, for exemplification breast imaging, Ultrasound, Artificial Intelligence, Miscellaneous, and others and taking into account both earlier breakthrough and recent contributions that will be emphasized in the exhibition.

Resource allocation where exhibition budget taking into account cost in term of exhibition design,

marketing, and material. Additionally, identified appropriate location that can accommodate the desired layout of the exhibition. In conjunction, proposal is prepared based on requirement above and presented.

b) Gathering Process

TJ Danaraj Medical Library gather all pertinent information, artifacts, material and conduct a thorough study regarding Professor Ng's as a whole including his achievement, contributions, the other side as a human being with help from his colleagues and collaborators to compile everything.

c) Exhibition design and setup

TJ Danaraj Medical Library design an interesting and eye catching a poster, banner and bunting to promote the exhibition. Besides, determine the exhibition's flow and design of the layout. Along with, create signage, labels, and graphics to give background information and explanation for the shown items.

Next, displayed structures such as stands showcase content, artifacts and Professor Ng' artworks. Installation of these structures, ensured that it is sturdy, properly aligned and aesthetically pleasing. Content such as articles, research papers and other textual information are displayed in information boards. Hence, setup is executed smoothly and effectively with collaboration with all TJ Danaraj Medical Library staff.

d) Outreach and Promotion

TJ Danaraj Medical Library made a thorough marketing and outreach to attract the target audience and increase awareness of exhibition. Promote the exhibition using several of channels such as Universiti Malaya Library websites, social media, email blast to all Universiti Malaya community and press release. Also, with the support of Professor Ng's he used word of mouth to invite a lot of visitor such as his friends from different academic institution, family and close friends. All of this is crucial to develop interest and promote attendance, interact with nearby communities, and pertinent professional.

Showcase Materials and Resources

The showcase includes articles written by Professor Ng and his other collaborators that have made a significant contribution to the field of medical imaging. There were several subject presented which is breast imaging, radiation, computing and artificial intelligence, miscellaneous, as well as ultrasound. Besides, QR code available for visitors who want to access the full text article.

Additionally, feature books authored or co-authored by Professor Ng that delve into the advancements, techniques, research, applications, and computer technology are displayed. Essentially, it highlights Professor Ng's expertise, emphasizing his role as a respected authority in the field. The book acts as valuable educational resources, providing in-depth knowledge and insights for visitors.

Furthermore, display notable quotes by Professor Ng that summarize his philosophies, insights, and visionary perspectives. Moreover, Professor Ng career highlights. The visitor timeline highlighting key milestones and achievements in his career also include significant breakthroughs, awards, recognitions received throughout his journey.

On top of that, exhibition also showcase a collection of photographs that depict significant moments, projects throughout Professor Ng career including his collaborators from around the world and his PhD supervision. Also, displayed newspaper clippings, magazine article, and online news on Professor Ng contributions.

Along with, it is such an amazing experience for visitor to grab a chance to see his award which is Merdeka award and Marie Skłodowska-Curie Award. Indeed, variety of 3D printing models were shown. It provides a visually captivating and accurate representation of objects. This models enhance understanding, offers a hands-on experience, foster engagement and interest and add visual appeal to the exhibition.

Coupled with, the exhibition showcasing Professor Ng artistic works, such as drawings and photography, which provides a well-rounded portrayal of his personality. It reveals his creative talents and offer insight into his unique perspective. In fact, it showcases the multidimensional nature of Professor Ng as a normal human being with diverse passions and talents beyond his scientific contributions.

Visitor Engagement and Feedback

The exhibition attracted a significant number of visitor from various academic institutions, including Universiti Malaya medical community and students from Faculty of Medicine Universiti Malaya. Where, the exhibition successfully drew visitors from diverse academic backgrounds that showed a strong interest in the exhibition, demonstrating their enthusiasm for learning and exploring achievements of Professor Ng.

